


BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4 & 5



NAMA PENUH :	KELAS :	TARIKH :
TAJUK : TATABAHASA (PENYUNTINGAN) KATA HUBUNG	SK : 5.1 SP : 5.1.1	RUJUKAN : BUKU TEKS BM T4 & T5
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami jenis-jenis kata hubung. 2. Menyatakan fungsi kata hubung dengan betul dan tepat	
AKTIVITI :	1. Murid dapat menyenaraikan 3 jenis kata hubung. 2. Murid dapat menyatakan fungsi kata hubung dengan betul dan tepat.	



KATA HUBUNG



Kata yang **menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa** atau **ayat dengan ayat**.

Kata Hubung Gabungan

dan , atau , serta , kecuali , maka , tetapi , lalu , sambil

Kata Hubung Pancangan

apabila, yang , jika, kalau, sekiranya, bahawa, hingga, supaya, agar, sejak, manakala, kerana, walaupun, sejak, sementara.

Kata Hubung Pasangan

Baik.....mahupun, baik.....ataupun , sedangkan..... tambahan, entah..... entah, sungguhpun.... namun , daripada lebih baik.

Senarai Kata Hubung Pancangan

yang	bahawa	untuk	kerana	agar
semoga	supaya	kalau	sekiranya	Meskipun
andai kata	hingga	jika	semasa	sementara
setelah	sewaktu	ketika	tatkala	untuk
walaupun	sungguhpun	apabila	kendatipun	

LATIHAN 1

ARAHAN


Lengkapkan petikan di bawah dengan kata hubung gabungan yang betul.



PILIHAN JAWAPAN

Serta	dan	malahan	Sementara
Kemudian	seterusnya	atau	sambil

Penduduk Kampung Jaya telah menganjurkan program gotong-royong supaya kawasan taman mereka bersih _____ indah. Mereka mencuci longkang, memungut sampah, mengecat dinding dewan dan memotong rumput yang panjang. Ahmad _____ kawan-kawannya turut sama membantu mengindahkan kawasan taman perumahan mereka. Aktiviti ini bukan sahaja terdiri daripada orang dewasa _____ semua penduduk menyertainya. Aktiviti ini telah dilakukan sejak lima tahun yang lalu. Penduduk juga dapat mengeratkan hubungan _____ beramah mesra. Ayah bersama kaum lelaki membersihkan dewan _____ ibu pula menyediakan hidangan tengah hari. Pelbagai lauk-pauk _____ kuih-muih juga disumbangkan oleh penduduk di situ. Ahmad turut sama membantu ayahnya memungut sampah _____ memasukkannya ke dalam plastik hitam. Setelah selesai gotong-royong, mereka _____ mencuci tangan dan menjamah makanan yang disediakan.



LATIHAN 2



ARAHAN

Pilih kata hubung gabungan yang betul bagi ayat tersebut.

SOALAN	JAWAPAN	
1. Kamal menangis tersedu-sedu _____ dipukul oleh abangnya.	A. supaya	B. kerana
	C. hingga	D. sementara
2. _____ suaminya meninggal dunia, Puan Aini selalu bersedih.	A. sementara	B. walaupun
	C. semenjak	D. sebab
3. Petani itu tekun membajak sawahnya dari pagi _____ ke petang.	A. hingga	B. apakala
	C. melainkan	D. manakala
4. _____ demam, dia tidak dapat hadir ke sekolah pada petang ini.	A. Apabila	B. Walaupun
	C. Oleh kerana	D. sungguhpun
5. Penduduk kampung itu terpaksa bekerja bertungkus-lumus _____ menyara keluarganya.	A. supaya	B. sebab
	C. untuk	D. sambil
6. Pak Karim berbual-bual kosong _____ menunggu ketibaan para jemputan.	A. sambil	B. manakala
	C. sementara	D. apakala
7. Kakinya calar-balar, _____ matanya pula bengkok disengat tebu.	A. manakala	B. Sambil
	C. lalu	D. dan
8. Badar terperanjat _____ mendengar berita tentang kematian neneknya yang disayangi.	A. apabila	B. sambil
	C. jika	D. lalu
9. "Datanglah ke rumah saya _____ ada kelapangan," kata Sidik.	A. kalau	B. Kecuali
	C. Setelah	D. sambil
10. Jutawan itu bukan sahaja sombong _____ kedekut pula orangnya.	A. dan	B. tetapi
	C. malahan	D. manakala



LATIHAN 3



ARAHAN

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

JAWAPAN

tatkala	semenjak	semoga	sambil	ketika
Semasa	walaupun	atau	tetapi	hingga
serta	manakala	Semasa	lalu	tetapi
ketika	Sewaktu	dan	atau	kerana

SOALAN

- Guru itu sering dipuji _____ rajin bekerja.
- Haji Shahrul Anuar bukan sahaja pemurah _____ baik hati.
- Rumainah bersorak terlalu kuat _____ suaranya serak.
- Pencuri memasuki rumah itu _____ penghuninya sedang tidur nyenyak.
- Encik Azmeer akan menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur pada minggu hadapan _____ bulan hadapan?
- Din mengambil surat itu _____ menyerahkannya kepada Rajoo.
- Charles lulus ujian itu _____ adiknya gagal.
- Zamzarina berkata-kata _____ merenung wajah temannya.
- Farzana _____ Mei Hua sangat gembira kerana mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR.
- _____ keluarga Wong tiba, datuknya tiada di rumah.
- Keluarga Chong Wei mungkin berpindah ke Johor _____ ke Melaka.
- Encik Sulaiman berdoa _____ keluarganya sentiasa sihat.
- _____ pegawai kastam membuat pemeriksaan, barang seludup itu tiada padanya.
- Encik Lim menebas semak-samun _____ isterinya menyapu sampah.
- Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar _____ ditentang oleh ibunya.
- Hamid tidak datang ke sekolah _____ minggu lepas.
- Murid-murid diminta beratur _____ menaiki bas.
- Landskap itu dibina oleh guru-guru, ibu bapa _____ murid-murid sekolah itu.
- _____ menonton drama lucu itu, mereka ketawa berdekah-dekah.
- Izuddin masuk ke kelas _____ Cikgu Norman sedang mengajar.

LATIHAN 4

ARAHAN

Tuliskan jenis kata hubung yang terdapat dalam ayat di bawah pada ruangan jawapan.

KATA HUBUNG PANCANGAN

KATA HUBUNG GABUNGAN

KATA HUBUNG PASANGAN



AYAT	JENIS KATA HUBUNG
1. Ekspo pertanian itu akan dilanjutkan tempohnya jika mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.	
2. Makanlah makanan yang berkhasiat supaya badan kamu sentiasa cergas.	
3. Setelah beberapa buah teksi yang ditahan tidak berhenti, lantas Azmin mengambil keputusan untuk berjalan kaki sahaja ke bandar.	
4. Tetamu itu bangun lalu turun ke serambi.	
5. Manjeet berkata bahawa dia pasti akan mengikuti rombongan sambil belajar ke Putrajaya itu.	
6. Ibu tua itu memeluk anaknya serta membelai rambutnya.	
7. Pak Mat mengumpul nira untuk dibuat manisan dan tuak.	
8. Tatkala hujan turun, pasukan bola sepak itu masih bermain di padang.	
9. Sungguhpun letih namun pelumba basikal itu meneruskan kayuhannya sehingga ke garisan penamat.	
10. Pertahanan negara perlu diperkuat agar keamanan negara sentiasa terjamin.	



LATIHAN 5

ARAHAN

Pindahkan ayat berikut ke dalam kotak jenis kata hubung yang paling tepat.



AYAT

1. Sri Devi tidak akan makan sekiranya ibu tidak memujuknya.
2. Setelah mendapati rakan-rakan lain berdiam diri, Rodiah lantas mengangkat tangan untuk menjawab soalan Matematik itu.
3. Sekumpulan pekerja sedang berehat sambil berbual-bual sebelum menyambung tugas masing-masing.
4. Bukan Amirul sahaja yang pemurah malahan anaknya juga dermawan.
5. Sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, kita pasti berjaya.
6. Sejurus sebelum kejadian itu berlaku, mereka kelihatan bermain bola di tepi pantai.
7. Wafiy akan terus berusaha selagi cita-citanya untuk menjadi seorang angkasawan belum tercapai.
8. Sampah itu dikutipnya seraya dibuangnya ke dalam tong sampah.
9. Sementara menunggu bas, Norita membaca buku cerita.
10. Perlawanan itu akan dibatalkan jikalau hujan turun dengan lebatnya.

KATA HUBUNG PANCANGAN

KATA HUBUNG GABUNGAN

KATA HUBUNG PASANGAN